

DAP dicabar buktikan tuduhan

SEREMBAN, Ahad — Menteri Besar Datuk Mohd. Isa Datuk Abdul Samad, hari ini menggesa DAP supaya menunjukkan bukti sekiranya tuduhan mereka iaitu, bekas Presiden MCA Datuk Lee San Choon terlibat dalam skandal Bumi Putra (BMF) adalah benar.

Bellau berkata, tidak digunanya DAP membuat berbagai-bagai tuduhan seumpama itu terhadap Datuk Lee, selagi parti pembangkang itu tidak mempunyai bukti-bukti yang konkrit terhadap tuduhan yang dituduhkannya.

"Saya menggesa DAP supaya mengemukakan bukti konkrit kepada Perdana

Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad jika tuduhan yang mereka buat itu berasas," tegas Datuk Mohd. Isa.

Tak lari

Berucap di majlis sivik Kampung Senawang di sini hari ini, Menteri Besar itu berkata, beliau percaya DAP tidak mempunyai apa-apa bukti, tetapi cuma membuat tuduhan semata-mata untuk memburuk-burukkan imej Datuk Lee sendiri dan Barisan Nasional.

Tegasnya, kerajaan tidak pernah lari dari tanggungjawabnya untuk memastikan semua ahli-ahli kabinet dan para pegawai kerajaan dari peringkat rendah hinggalah yang paling tinggi, sentiasa menga-

malkan sikap cekap, bersih dan amanah.

"Kerajaan tidak pernah takut untuk membara seseorang menteri atau sesilapa jua pun ke mahkamah, sekiranya ia memperoleh bukti-bukti yang konkrit," tegas Datuk Mohd. Isa.

Tindakan terhadap beberapa orang menteri dan pegawai kerajaan, membuktikan kesediaan kerajaan membawa mereka yang bersialah ke muka pengadilan, tambah beliau.

Menteri Besar itu mengingatkan para penduduk Seremban, tentang tujuan sebenar Setiausaha Agung Parti DAP Encik Lim Kit Siang membuat tuduhan itu terhadap Datuk Lee San Choon, yang menujutnya semata-mata untuk memancing undi.



● Datuk Mohd Isa

Bellau menjelaskan lagi pendirian kerajaan mengenai skandal itu adalah terang dan nyata iaitu, kerajaan akan menjalankan penyiasatan dan akan mengambil tindakan terhadap sesilapa yang terlibat.

Bellau berkata, rakyat harus sedar taktik DAP yang gemar memaki cela para pemimpin Kerajaan Pusat dan Negeri dan membangkitkan isu-isu perkauman, tetapi ia tidak pernah mengemukakan sebarang perancangan yang terperinci untuk membangunkan bandar itu. -- Bernama.